

Memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ditubuhkan pada tahun 2004 oleh Tun Abdullah Badawi dan telah dimodelkan mengikut Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah Hong Kong (ICAC). SPRM yang ditubuhkan ini akan dipantau oleh lima jawatankuasa bebas.

Lembaga Penasihat Anti-Rasuah	Jawatankuasa Khas Pencegahan	Jawatankuasa Aduan	Operasi Panel Penilaian (OPP)	Panel Perunding & Pencegahan Rasuah (PPPR)
-------------------------------	------------------------------	--------------------	-------------------------------	--

Walau bagaimanapun, SPRM menghadapi banyak cabaran dalam melaksanakan tugasnya. Terdapat batasan-batasan yang menjadi penghalang semasa proses penubuhan suruhanjaya yang berkesan dan bebas rasuah.

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) bersama-sama dengan Badan Peguam Malaysia, Transparency International-Malaysia, Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4) dan Citizens' Network for a Better Malaysia (CNBM) menyarankan supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diperkasakan dan memperkemas undang-undang anti-rasuah di Malaysia. Berikut adalah cadangan kami.

Ringkasan Executive Cadangan Pertubuhan Awam

Apakah cadangan kami?

SBPR

Suruhanjaya yang ditubuhkan menerusi peruntukan perlembagaan ini akan mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan strategi, dasar, pelantikan pegawai dan mengawal selia tingkah laku kakitangan bawah cabang penyiasatannya, Badan Pencegahan Rasuah (sebelum ini dikenali sebagai SPRM).

Meminda Akta SPRM

Memperluaskan definisi "penerimaan rasuah" dan kuasa untuk menyiasat individu-individu yang hidup di luar kemampuan mereka melalui pemindaan pada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Meminda akta-akta yang berkaitan

Terutamanya Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk membolehkan dokumen-dokumen berkaitan dengan pendedahan rasuah diterbitkan untuk tatapan umum; memperkemas Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009; menggubal Akta Kebebasan Maklumat dan undang-undang perisytiharan harta.

Pemisahan bidang Peguam Negara

Pemisahan bidang kuasa Peguam Negara dan Pendakwa raya serta mengkaji semula tatacara pendakwaan. Ini akan memastikan percanggahan kepentingan antara kedua-dua bidang kuasa tersebut dapat dielakkan.

Soalan Yang Sering Ditanya

Kenapa kita perlu memperkasakan SPRM?

SPRM memerlukan kuasa autonomi dan bebas daripada badan eksekutif. Dalam usaha untuk memerangi rasuah dengan lebih efisien dan sistematik, Pengerusi dan ahli-ahli suruhanjaya perlu dipastikan bebas dari mana-mana pengaruh asing.

Untuk mengurangkan rasuah secara holistik, kita perlu menambah-baik sistem yang sedia ada. Inilah justifikasi mengapa kita menekankan Akta SPRM 2009 dan undang-undang lain yang berkaitan serta peranan Peguam Negara.

Penstrukturan ini penting kerana akan menjadi semak dan imbang sebagai mekanisma yang bebas dari mana-mana penjaruh.

Cadangan kami adalah memujudkan satu Suruhanjaya Bebas Pencegahan Rasuah di bawah peruntukan perlembagaan di mana ia akan bertindak sebagai badan bebas yang diketuai oleh Pesuruhjaya.

Struktur ini akan memisahkan SBPRM daripada SPRM mengikut undang-undang yang taah ditubuhkan di mana SPRM akan dinamakan semua dengan nama BBPR. Badan ini akan bertindak sebagai badan Penyiasatan dan melapor terus kepada SBPRM.

Apakah struktur yang dicadangkan dan peranan SBPRM dan BBPR?

Berikut adalah peranan SBPR dan BBPR yang dicadangkan.

Suruhanjaya Bebas Pencegahan Rasuah (SBPR)

- Melantik Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah
- Memutuskan dasar dan strategi anti-rasuah secara keseluruhan
- Laporan dilaporkan terus kepada Dewan Rakyat
- Mengendalikan sendiri hal berkaitan urusan pentadbiran termasuk mengambil dan memecat pegawai di dalam Badan Pencegah Rasuah(BPR)
- Pesuruhjaya mempunyai tempoh perkhidmatan tiga tahun, manakala Pengerusi mempunyai tempoh perkhidmatan enam tahun. Tempoh maksimum perkhidmatan selama dua penggal
- Sistem Kewangan. Kita boleh menggunakan sistem Satu kumpulan wang yang berasingan boleh ditentukan sama ada melalui Parlimen, saraan melalui Akta Suruhanjaya Perkhidmatan atau kumpulan wang Disatukan

Badan Bebas Pencegahan Rasuah (BBPR)

- Menjalankan siasatan berkaitan isu-isu rasuah
- Bertanggungjawab melapor terus kepada SBPR


Apa yang akan berlaku kepada lima badan pengawasan SPRM?

Semua badan-badan pengawasan kecuali Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Rasuah (dahulunya Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah) akan diserap ke dalam SBPR sebagai kumpulan kerja di bawah SBPR.

Keanggotaan tidak boleh melebihi daripada 15 orang ahli dalam SBPR. 60% hendaklah daripada sektor awam dan 40% adalah daripada masyarakat sivil.

Untuk memastikan kebebasan Pesuruhjaya SBPRM, berikut adalah prosedur-prosedur yang dicadangkan:

Siapakah ahli-ahli SBPR dan bagaimana mereka akan dipilih?



Senarai calon-calon dipilih melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan diserahkan oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong untuk pelantikan rasmi.

Pengerusi JBPR akan dipilih dalam kalangan mereka sendiri oleh Pesuruhjaya SBPRM.

Bagaimanakah hak pelantikan tetap Pengerusi JBPR dan Pesuruhjaya akan menjadi lebih baik?



- • Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah Pegawai Taurus Gred II (Pentadbiran dilantik Kanan)
- • Beliau boleh dikeluarkan dan dipindahkan ke agensi lain mengikut budi bicara Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- • Hak pelantikan tetap Pengerusi JBPR dan Pesuruhjaya akan dijamin oleh perlembagaan
- • Beliau hanya boleh dipecat melalui cara penghakiman, iaitu, suatu tribunal yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong

Seksyen 23

Mewujudkan definisi yang lebih luas mengenai akta rasuah merangkumi bukan kewangan (non-kewangan) 'suapan'

Seksyen 36

Memperluaskan kuasa SPRM untuk menyiasat pegawai-pegawai awam yang hidup di luar kemampuan mereka

Apakah jenis pindaan perlu yang dibuat terhadap Akta SPRM 2009?

Pindaan Seksyen 23 adalah berdasarkan kepada peruntukan yang terdapat dalam Akta Pencegahan Rasuah 1988 di India, di bawah Seksyen 13, manakala Seksyen 36 adalah berdasarkan kepada Seksyen 10 Ordinan Pencegahan Rasuah Hong Kong - kedua-duanya melibatkan kesalahan " salah laku awam ".

Apakah wujud undang-undang lain yang perlu dipinda untuk meningkatkan usaha memerangi rasuah?

Undang-undang lain yang perlu diperbaiki ialah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

Undang-undang yang perlu diguna pakai adalah Akta Kebebasan Maklumat dan Undang-undang Pengisytiharan Aset.

APPM 2010 seperti yang ada, tidak menggalakkan pemberi maklumat tampil ke hadapan. Beberapa cadangan untuk meningkatkan Akta ini:

Bagaimanakah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 2010) boleh diperbaiki?

1. Di bawah APPM 2010 pemberi maklumat hanya boleh melaporkan rasuah kepada agensi penguatkuasa (SPRM, Suruhanjaya Sekuriti dan lain-lain). Di negara-negara lain seperti di UK pemberi maklumat boleh bercakap dengan seorang peguam, majikan, seorang Menteri atau sesiapa sahaja yang ditetapkan oleh Setiausaha Negara - pindaan perlu membenarkan individu terbabit dapat berhubung dengan orang yang di atas
2. Pemberi maklumat perlu diberikan info terkini mengenai keseluruhan status kes sepanjang proses berlangsung
3. Individu yang mendedahkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (ARR 1972), dimana status pemberi maklumat tidak diberikan perlindungan. APPM 2010 perlulah membantu dalam mendedahkan salah laku dan menggantikan ARR 1972

Bagaimanakah Akta Perlindungan Saksi 2009 boleh diperbaiki?

Amalan Semasa

- • Akta Perlindungan Saksi 2009
- memberikan perlindungan kepada
- saksi daripada ancaman sebelum,
- semasa, atau selepas perbicaraan
- • Peguam Negara memutuskan siapa
- akan dimasukkan ke dalam Program
- Perlindungan Saksi di atas saranan
- Ketua Pengarah
- • Rayuan terhadap keputusan Peguam
- Negara hanya boleh dibuat kepada
- Menteri Dalam Negeri

Cadangan Perubahan

- • Mengelakkan percanggaha
- kepentingan apabila saksi
- mendedahkan bukti rasuah dalam
- tempoh penubuhan sebuah badan
- pengawasan bebas
- • Siasatan hendaklah melibatkan
- semua pihak bukan hanya polis
- sahaja tetapi, contohnya pesara
- hakim atau pendakwa
- • Istilah 'saksi' dalam akta ini perlu
- diperluaskan kepada pemberi
- maklumat seperti yang berlaku di
- Australia, Kanada dan United
- Kingdom

Amalan Semasa

- • ARR 1972 tidak memenuhi piawaian
- undang-undang antarabangsa
- • Ia mengenakan larangan
- menyeluruh ke atas apa-apa
- maklumat yang dianggap "rahsia
- rasmi" oleh kerajaan
- • Akta ini boleh disalahgunakan
- untuk menyembunyikan rasuah

Cadangan Perubahan

- • Pindaan ARR 1972 akan
- membolehkan pengubahan status
- dokumen yang mendedahkan
- rasuah
- • Melengkapkan akta ini dengan Akta
- Kebebasan Maklumat
- • Di UK contohnya, Akta Kebebasan
- Maklumat 2000 telah mendedahkan
- skandal yang melibatkan pegawai
- awam

Bagaimana Akta Rahsia Rasmi 1972? Adakah kita memerlukan Akta Kebebasan Maklumat?

Bagaimana kuasa pendakwaan? Adakah ada pembaharuan sekiranya SPRM tidak diberikan kuasa untuk mendakwa?

Ramai yang telah menyokong untuk memberikan kuasa pendakwaan kepada SPRM. Walau bagaimanapun, perlu dilihat bahawa beberapa institusi anti-rasuah yang paling efisien seperti ICAC, Hong Kong dimana mereka tidak mempunyai kuasa pendakwaan.

Di Malaysia, Pejabat Peguam Negara dan Pejabat Pendakwa Raya diletakkan bersama. Dalam Perkara 145 di dalam Perlembagaan Persekutuan, kuasa pendakwaan terhadap Peguam Negara bersifat sebagai Pendakwa Raya.

Di Brazil, Perkhidmatan Pendakwaan benar-benar bebas daripada mana-mana kuasa Perundangan Eksekutif atau mana-mana Cawangan Kehakiman. Pendakwa Raya bebas membawa kes dan dijamin oleh Perlembagaan. Mereka boleh membawa kes ke Mahkamah Agung Persekutuan serta mengendalikan kes-kes yang melibatkan semakan kehakiman dan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh penggubal undang-undang di peringkat persekutuan, ahli-ahli Kabinet serta Presiden Brazil.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini akan menjadi sulit untuk memberikan kuasa pendakwaan kepada SPRM kerana:

1. Memerlukan pindaan kepada Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan;
2. Akan membawa kepada pertindihan fungsi pendakwaan dan siasatan yang sedang diberikan secara berasingan pada Peguam Negara dan SPRM masing-masing akan bertindak sebagai Pendakwa Raya.; dan
3. Kurang berasas jika memperuntukkan satu kuasa pendakwaan kepada agensi penguatkuasaan seterusnya menafikan agensi yang lain seperti Polis.

Namun begitu, hal ini boleh dilaksanakan sekiranya Pejabat Peguam Negara dan Pejabat Pendakwa Raya dipisahkan melalui pindaan perlembagaan.